



RABU
31 MEI 2023
11 ZULKAEDA 1444H

#MENGINOVASI PENYELESAIAN (FUTURE STUDIES - *DAJJAL*)

MESYUARAT SENAT BIL. 8/2022/2023

Mukaddimah

1. Dajjal adalah antara tanda-tanda besar kiamat yang wajib diyakini oleh umat Islam.
2. Terdapat banyak dalil dari Al-Qur'an dan Al-Hadis yang sahih tentang fitnah (ujian dan musibah) Dajjal.
3. Rasulullah SAW sentiasa mengingatkan para sahabat baginda tentang Dajjal dan cara untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul akibat dari kemunculan Dajjal (berupa ujian dan musibah).

SURAH KAHFI 1 - 10

الكهف

Abu Darda R.A dari Nabi berkata: "Barangsiapa yang menghafal sepuluh ayat pertama dari surah Al- Kahfi terjaga dari fitnah Dajjal."

(HR. Muslim, Abu Dawud, Nasai, Tirmidzi)

Ayat Pertama

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيَّ عَبْدِهِ
الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا^س

Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan Kitab (Al-Qur'an) kepada hamba-Nya dan Dia menjadikannya tidak bengkok.

Ayat Kedua

قِيمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ
الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ
أَجْرًا حَسَنًا

Sebagai bimbingan yang lurus, untuk memperingatkan akan siksa yang sangat pedih dari sisi-Nya dan memberikan khabar gembira kepada orang-orang mukmin yang mengerjakan kebajikan bahawa mereka akan mendapat balasan yang baik.

Ayat Ketiga

مَّا كُنْتُمْ فِيهِ أَبَدًا

Mereka kekal di dalamnya untuk selamanya.

Ayat Keempat

وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا

Dan untuk memperingatkan kepada orang yang berkata, “Allah mengambil seorang anak.”

Ayat Kelima

مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَائِهِمْ كَبُرَتْ كَلِمَةً
تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنَّ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا

Mereka sama sekali tidak mempunyai pengetahuan tentang hal itu, begitu pula nenek moyang mereka. Alangkah jeleknya kata-kata yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan (sesuatu) kebohongan belaka.

Ayat Keenam

فَلَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَّفْسًا عَلَىٰ أَثَرِهِمْ إِن لَّمِ
يُؤْمِنُوا بِهَذَا الْحَدِيثِ أَسَفًا

Maka barangkali engkau (Muhammad) akan mencelakakan dirimu kerana bersedih hati setelah mereka berpaling, sekiranya mereka tidak beriman kepada keterangan ini (Al-Qur'an).

Ayat Ketujuh

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ
أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya, untuk Kami menguji mereka, siapakah di antaranya yang terbaik perbuatannya.

Ayat Kelapan

وَإِنَّا لَجَاعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا^{قله}

Dan Kami benar-benar akan menjadikan (pula) apa yang di atasnya menjadi tanah yang tandus lagi kering.

Ayat Kesembilan

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ
كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا

Apakah engkau mengira bahawa orang yang mendiami gua, dan (yang mempunyai) raqim itu, termasuk tanda-tanda (kebesaran) Kami yang menakjubkan?

Ayat Kesepuluh

إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا
مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

(Ingatlah) ketika pemuda-pemuda itu berlindung ke dalam gua lalu mereka berdoa, “Ya Tuhan kami. Berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah petunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami.”

Kelebihan Surah Al Kahfi

*Daripada Abu Darda' RA, bahawa Nabi SAW
bersabda:*

*Maksudnya: Sesiapa yang menghafal 10 ayat
daripada awal surah al-Kahfi akan
terselamat daripada fitnah Dajjal.*

(Hadis Riwayat Muslim)



Surah Al-An'am, ayat 158

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ تَأْتِيَهُمُ الْمَلَائِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ رَبُّكَ أَوْ يَأْتِيَ بَعْضُ
آيَاتِ رَبِّكَ يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيْمَانُهَا لَمْ تَكُنْ
ءَامَنَتْ مِنْ قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ فِي إِيمَانِهَا خَيْرًا قُلِ انظُرُوا إِنَّا مُنظِرُونَ

Yang mereka nanti-nanti tidak lain hanyalah kedatangan malaikat kepada mereka (untuk mencabut nyawa mereka) atau kedatangan (siksa) Tuhanmu atau kedatangan beberapa ayat Tuhanmu. Pada hari datangnya ayat dari Tuhanmu, tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang kepada dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum) mengusahakan kebaikan dalam masa imannya. Katakanlah: "Tunggulah olehmu sesungguhnya Kamipun menunggu (pula)".

- Dajjal muncul ketika manusia sudah melupai dan tidak mempedulikan tentang dirinya.
- Daripada Sa'bi bin Jassamah RA, aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda :
“Dajjal tidak akan muncul sehinggalah manusia terlupa tentang kemunculannya, dan para khatib terlupa menyebutnya di dalam khutbah.”
(Kanzul Ummal: 38817)

- Daripada Abu Bakar RA, bahawa Nabi SAW bersabda:
- Maksudnya: **“Dajjal akan keluar ke bumi dari arah timur, dikatakan tempat tersebut adalah Khurasan”**. (Riwayat al-Tirmizi, no. 2237).

Khurasan

<http://aratta.wordpress.com/2014/08/02/traces-of-an-bmac-related-culture-near-the-town-of-sankhast-in-north-khorasan-province-iran/>





gambaran suasana kemarau dan kemusnahan persekitaran

- Diriwayatkan daripada Abu Umamah RA bahawa Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya sebelum keluarnya Dajjal terdapat **tiga tahun yang dahsyat**, di mana manusia akan ditimpa **kebuluran yang melampau**. Allah memerintahkan langit **pada tahun pertama agar menahan satu pertiga hujannya** dan memerintahkan bumi agar menahan satu pertiga tumbuhannya. Kemudian Allah memerintahkan langit **pada tahun kedua agar menahan dua pertiga hujannya** dan memerintahkan bumi agar menahan dua pertiga tumbuhannya.

- Kemudian Allah memerintahkan langit **pada tahun ketiga agar menahan semua hujannya sehingga tiada setitik pun** yang turun dan memerintahkan bumi agar menahan semua tumbuhannya sehingga tiada satu pokok hijau pun yang tumbuh. Maka, tiada seekor binatang pun yang tinggal melainkan ia akan binasa kecuali apa yang dikehendaki oleh Allah”. Ada yang bertanya: Lalu bagaimanakah manusia hidup pada zaman itu? Jawab baginda: “(Dengan) tahlil, takbir, tasbih dan tahmid yang berfungsi bagi mereka itu seumpama makanan”.

(HR Ibn Majah, Ibn Khuzaimah dalam sahihnya)



- Dari Hudzaifah r.a. katanya Rasulullah saw. bersabda: **"Aku lebih tahu tentang Dajjal daripada Dajjal itu sendiri. Dia mempunyai dua sungai yang mengalir. Yang satu kelihatan oleh mata mengalir air putih bersih, sedang yang satu lagi kelihatan bagaikan api bergejolak yang sedang mengalir. Siapa yang menemukannya, hendaklah didatanginya sungai yang kelihatan seperti api menyala, lalu pejamkan mata, tundukkan kepala dan minumlah airnya.** Maka sesungguhnya itulah air sejuk. Dajjal matanya tertutup oleh selapis daging tebal. Antara kedua matanya terdapat tulisan '**kafir**', yang dapat dibaca oleh setiap orang mukmin, baik yang tahu membaca atau pun yang tidak." (Hadis Sahih Muslim Jilid 4. Hadis Nombor 2478)

Letupan Gunung Berapi Krakatua Indonesia pada 1883, menyebabkan langit menjadi gelap di seluruh Khatulistiwa hingga ke Kanada. Langit hanya pulih pada tahun 1886.



Dukhan, (asap) sebelum kedatangan Dajjal lebih dahsyat

- Dari Nawas bin Sam'an r.a. katanya: "Pada suatu pagi Rasulullah saw. berbicara mengenai Dajjal..... Tanya kami, "Ya, Rasulullah! Berapa lama dia tinggal di bumi?" Jawab Rasulullah SAW, "**Empat puluh hari.** Satu hari seperti setahun, satu hari seperti sebulan, satu hari seperti seminggu, dan selebihnya seperti hari-hari kamu sekarang." Tanya kami, "**Ya, Rasulullah! Ketika sehari seperti setahun, cukupkah kalau kami solat seperti solat kami sekarang?"** Jawab beliau, "**Tidak! Tetapi hitunglah bagaimana sepatutnya.**"

- Tanya kami, "Berapa kecepatannya (berjalan) di bumi?" Jawab baginda, "Seperti hujan ditiup angin. Dia mendatangi suatu kaum, maka diajaknya kaum itu supaya beriman kepadanya, lalu mereka beriman dan mematuhi segala perintahnya. Diperintahkannya langit supaya hujan maka turunlah hujan. Diperintahkannya bumi supaya subur, maka tumbuhlah tumbuh-tumbuhan....".

(Hadis Sahih Muslim Jilid 4. Hadis Nombor 2480)

40 hari Dajjal

- Hari pertama seperti setahun.
 - 24 jam x 365 hari = **8,760 jam.**
- Hari kedua seperti sebulan.
 - 24 jam x 30 hari = **720 jam.**
- Hari ketiga seperti seminggu.
 - 24 jam x 7 hari = **168 jam.**
- Hari keempat seperti biasa.
- **40 hari = 1 tahun, 74 hari.**

Kota Baitul Maqdis



Dajjal ditewaskan di pintu Lud Baitul Maqdis oleh Nabi Isa AS

Permasalahan

1. Berlaku kemarau dan kebuluran 3 tahun sebelum kedatangan Dajjal.
2. Tiada sumber air hujan sebagai sumber air bersih.
3. Kekurangan sumber makanan.
4. Keadaan langit menjadi kelam, gelap dan sukar untuk menentukan masa.
5. Ramai yang terpengaruh dan mengikut Dajjal.

**SUPER
HEAVY DUTY**

EVEREADY
SUPER HEAVY DUTY
SPECIAL ALUMINUM
CASE

EV



Menginovasi Penyelesaian

- UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, boleh menjalankan kajian tentang ***Future Studies*** yang bersifat interdisiplin untuk menerangkan dan menyediakan kerangka penyelesaian secara holistik dan saintifik dari aspek sosial budaya masyarakat, perubahan iklim persekitaran, dan pembangunan teknologi masa hadapan sebagai persiapan menghadapi fitnah (ujian & musibah) Dajjal.

Pembangunan Teknologi

1. Menyediakan dan menyebarkan pengetahuan tentang teknologi sumber air bersih daripada rawatan air laut dan air bawah tanah (membrane technology).
2. Menyediakan dan menyebarkan pengetahuan tentang teknologi penghasilan dan penyimpanan makanan yang tahan lama.
3. Menyediakan dan menyebarkan pengetahuan tentang teknologi penentuan waktu solat ketika perubahan iklim dunia.

Inovasi Penyelesaian Permasalahan

1. Kemarau - Teknologi Perubahan Iklim.
2. Sumber air bersih - Teknologi Membrane.
3. Sumber makanan - Teknologi Makanan.
4. Langit gelap - Teknologi Penentuan Waktu.
5. Terpengaruh Dengan Dajjal - Kajian Sosial Budaya Masyarakat.
6. Menghasilkan Silibus Future Studies untuk diajar di IPT dalam dan luar negara.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”